

## ABSTRAK

### PENGLIBATAN KOPERASI DALAM PERNIAGAAN *ONLINE* DI MALAYSIA

Oleh

Azlifah Abas, Arfizawati Abd Hadi, Hajar Azwin  
Mohamad Ashi, Zaharatul Laili Zakaria, Romaizah Abd  
Kadir, Norlelah Shamsudin

Jun 2021

Institut Koperasi Malaysia

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi khususnya Internet pada hari ini telah banyak menyumbang kepada kemajuan dalam sistem perniagaan *online* sekali gus menunjukkan satu pencapaian yang sangat positif dalam kalangan rakyat Malaysia. Sehingga Julai 2018, statistik daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menunjukkan sebanyak 53,285 peniaga telah mendaftar perniagaan *online*. Walau bagaimanapun tiada data yang diperoleh berkaitan penglibatan koperasi dalam perniagaan *online*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profil koperasi dalam perniagaan *online*. Selain itu, mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi adaptasi penggunaan perniagaan *online* serta kekangan yang dihadapi dalam menjalankan perniagaan *online* oleh koperasi. Seterusnya, menentukan faktor pengantara prestasi koperasi yang menghubungkan faktor pendorong dan mengekang penggunaan perniagaan *online* oleh koperasi. Kajian ini menggunakan kaedah banci (census) iaitu kesemua populasi kajian ini adalah terdiri daripada koperasi-koperasi yang telah menjalankan perniagaan e-dagang di Malaysia. Metodologi kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan teknik analisis menggunakan (SPSSv.26). Kajian mendapati bahawa faktor kecenderungan, sokongan kerajaan dan pengurangan kos mempunyai pengaruh positif secara langsung terhadap prestasi koperasi manakala faktor risiko dan kekurangan kecekapan pekerja mempunyai pengaruh negatif secara langsung terhadap prestasi koperasi. Selain itu, prestasi koperasi juga didapati mempunyai pengaruh positif secara langsung terhadap kepuasan dan penggunaan berterusan. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kepuasan mempunyai pengaruh positif secara langsung terhadap penggunaan berterusan dan merupakan pengantara hubungan antara prestasi koperasi dan penggunaan berterusan.

**Kata kunci:** *perniagaan online, kecenderungan, sokongan kerajaan, pengurangan kos, risiko, kecekapan pekerja, prestasi koperasi, kepuasan, penggunaan berterusan, koperasi, e-dagang, pandemik covid-19*